

25/05/2003

Pinjaman: Biar cakap serupa bikin

Johan Jaafar

SALAH satu daripada empat strategi utama dalam pakej rangsangan pertumbuhan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu baru lalu ialah menggalakkan pelaburan swasta.

Cuma

kali ini penekanan diberikan pada inisiatif untuk menjadikan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini sebenarnya "terabai" sejak sekian lama.

Salah satu langkah yang diumumkan dalam pakej ini ialah "menyediakan sumber kewangan yang mencukupi dan mudah" bagi membantu IKS. Ini termasuklah melonggarkan syarat pinjaman, meniadakan cagaran dan menyegerakan tempoh kelulusan serta jadual pembayaran balik yang lebih fleksibel.

Kita semua tahu pengumuman sedemikian menarik untuk hebahan. Kerajaan boleh mengisytiharkan jumlah berbilion ringgit sebagai tambahan dana untuk membantu sektor ini. Realitinya banyak institusi kewangan enggan memberi pinjaman.

Nampaknya kerajaan terpaksa mengambil pendekatan lain untuk "memindahkan" pelbagai modal dan dana ini pada institusi yang khusus misalnya Bank Pertanian Malaysia (BPM), Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMP), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Industri (BI). Pakej ini juga menyentuh pelbagai tabung dan amanah seperti Amanah Iktiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan (TEKUN) dan Tabung Usahawan Baru (TUB).

TEKUN akan diberikan tambahan dana sebanyak RM200 juta, Bank Pertanian yang distruktur semula akan diberikan suntikan modal RM200 juta, Bank Pembangunan dan Infrastruktur sebanyak RM100 juta, Bank Simpanan Nasional RM100 juta dan Bank Industri RM100 juta oleh Kerajaan Persekutuan.

Bank Negara Malaysia (BNM) akan menyalurkan RM600 juta pada Tabung IKS, RM400 juta pada Tabung Usahawan Baru (TUB) dan bagi Kemudahan Khas Pelepasan Cagaran sebanyak RM1 bilion. Sementara itu Tabung Makanan, Skim Kredit Mikro dan Amanah Iktiar di bawah Bank Pertanian tiap satunya akan ditambah RM1 bilion, RM500 juta dan RM200 juta. Skim Mikro Bank Simpanan Nasional akan diberikan RM300 juta.

Jumlah ini memang besar. Soalnya, sampaikah hasrat peniaga kecil atau pengusaha IKS memanfaatkan semua faedah ini?

Ambil saja skim yang sedia ada - yang dikenal sebagai 3F (Fund for Food). Ini skim yang diharapkan akan dapat mengurangkan pergantungan negara pada makanan yang diimport. Kita harus sedar setiap tahun negara mengimport tidak kurang RM10 bilion nilai barangan makanan dalam pelbagai bentuk.

Masalahnya bank-bank komersial tertakluk pada sekian banyak peraturan

perbankan selain obsesi membuat keuntungan. Maka itu aspek pengambilan risiko akan diberi perhatian serius. Hanya mereka yang mempunyai rekod yang baik selama berurusan dengan bank yang akan mendapat pinjaman. Ini dengan sendirinya mengetepikan mereka yang baru mencuba berniaga.

Bank Pertanian Malaysia selama ini bertanggungjawab untuk membantu sektor pertanian. Tetapi di kalangan bakal peminjam, bank ini terkenal kerana pendekatan "ada cagaran ada pinjaman." Banyak pengusaha sektor itu kecewa dan hilang keyakinan.

Salah satu alasan mengapa peminjam wang tidak berlesen dan elemen seperti "Along" wujud dalam sistem kita ialah kerana pengusaha dan peniaga kecil ini tidak boleh bergantung pada sistem yang "halal." Kalau anda ingin membuka warung untuk berniaga, dari manakah anda boleh mendapat RM1,000 sebagai modal? Paling mudah anda boleh menggunakan pinjaman segera dari "Along." Anda dapat pinjaman kilat RM1,000 dan tanpa cagaran. Anda hanya perlu bayar RM13 sehari selama 100 hari.

Bank Pertanian terutamanya harus lebih telus dalam menilai permohonan. Bank berkenaan bukan saja harus bersedia mengambil risiko mengeluarkan pinjaman tetapi proses penilaiannya harus juga profesional. Bank itu juga harus sedar banyak sektor pertumbuhan lain yang membabitkan pertanian - bukan sekadar kegiatan menanam pisang, menangkap ikan di laut lepas atau membuat ladang kelapa sawit. Banyak kegiatan hiliran dari sektor ini yang perlu diterokai. Banyak juga teknologi pertanian baru yang harus disokong.

Saya selalu mengambil contoh kegiatan penanaman sayur-sayuran. Kita harus faham kompleksiti jenis tanaman ini. Ini produk yang tidak tahan lama. Secara konvensional sektor ini memerlukan banyak tenaga buruh. Kos produk tanaman ini tentulah tidak boleh disamakan dengan kos di negara jiran seperti Indonesia atau Thailand.

Maka itu sektor ini memerlukan banyak sokongan. Menanam sayur untuk sekadar menjualnya secara terbuka tidak lagi ekonomikal. Pasaran eksportnya juga terbatas. Demikian juga persaingannya cukup hebat. Maka itu petani harus mengadakan "rumah dingin" yang khusus bagi memastikan produk ini boleh disimpan dan dipertahankan "self-life"nya.

Maka itu konsep penanaman sayur masa kini ialah "grower-shipper" atau tanam dan edar. Pergantungan pada orang tengah harus dikurangkan. Sistem konvensional yang mana produk ini diedar secara tidak higienik harus diubah. Pasar borong khusus harus diadakan agar produk ini tidak dilambak secara rambang dan terdedah pada ancaman kuman. Sektor ini juga memerlukan teknologi tanaman yang baru, termasuk kaedah perlindungan yang boleh mengawal hujan dan matahari, benih yang lebih baik dan jaminan hasil yang

lebih boleh dijangka. Dipendekkan cerita sektor ini haruslah dimodenkan.

Selagi syarikat besar tidak terbabit, selagi itulah sektor ini berada di tangan penguasa kecil dan sederhana. Maka itu sektor yang amat khusus dan

memerlukan kepakaran ini harus diberikan suntikan baru. Bank-bank yang memberi pinjaman harus memahami konsep terbaru teknologi penanaman sayur, bersedia membantu pengedarannya dan memahami keperluan "rumah dingin" sebagai tempat penyimpanan sementara. Malah industri sampingan yang boleh dibabitkan cukup besar.

Selagi kita bergantung pada pengedaran konvensional, pasar borong konvensional dan pemerrosesan yang tidak higienik selagi itulah sektor ini tidak dapat bersaing dengan negara luar. Kita harus sedar kehendak manusia moden terhadap bahan-bahan kurang racun dan bebas kimia atau tumpuan pada penanaman organik, selagi itulah peluang dan potensi sektor ini cukup besar. Malang sekali di Malaysia kegiatan bertanam sayur tidak banyak berubah sejak sekian lama. Puncanya tidak ada inovasi kerana tiada dorongan khas.

Sektor ini amat memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dengan keadaan sekarang, R&D tidak boleh digerakkan oleh penguasa IKS. Jangan lupa kita perlukan makanan sihat. Makanan sihat hanya mungkin kalau industri itu dapat dikawal selia secara menyeluruh. Dan untuk menjamin industri ini berubah, sikap bank juga harus berubah.

Sektor ini hanyalah salah satu daripada sekian banyak potensi pertumbuhan dalam sektor pertanian. Satu sektor lain ialah penternakan. Banyak orang tidak tahu bahawa sektor penternakan ayam pedaging (broiler chicken) merupakan sektor pertanian yang penting bagi negara ini. Sektor ini mengeluarkan tidak kurang 400 juta ayam setahun dengan nilai jualan (ex-farm) melebihi RM2.34 bilion setahun.

Tetapi banyak orang tidak faham betapa kompleksnya industri ini. Ia dikawal selia bagi memastikan ayam yang dimakan kelak selamat. Sistem rebannya juga kompleks dan banyak yang sudah menggunakan teknologi tercanggih. Purata usia ayam yang siap untuk diambil (harvest) kini ialah

42 hari. Ini boleh dilakukan dengan kaedah pemakanan, perubatan dan kawalan yang canggih. Sektor ini juga dikawal bagi memastikan reban sentiasa bersih bagi mengurangkan implikasi pengotoran persekitaran.

Industri ini juga telah mengalami perubahan teknologi yang hebat.

Bank-bank harus bukan saja memahami keperluan pemodal atau pemilik reban tetapi juga syarikat "integrator" yang memberi kontrak pada pengusaha ini.

Institusi yang diberi amanah untuk membantu IKS harus sedar perubahan dalam pelbagai sektor ini. Merekalah yang seharusnya memanfaatkan "pakar"

di luar bagi memberikan nasihat perkembangan terbaru dalam sektor-sektor ini. Mereka tidak boleh berlagak sebagai "banker" yang menunggu permohonan dan kemudian menolaknya kerana kejahilan mereka sendiri.

Maka itu Bank Negara harus memantau pendekatan pelbagai institusi ini bagi mengelakkan pisang berbuah dua kali. Mereka bukan saja mesti mengisytiharkan berapa banyak pinjaman diberikan tetapi melaporkan mengapa sesuatu permohonan pinjaman itu ditolak.

Kita berdepan dengan krisis. Maka itu pakej rangsangan ini dirancang.

Dalam situasi krisis, institusi yang diberi amanah harus mendekati isu membantu IKS secara serius. Bukan sekadar cakap tapi tak serupa bikin.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu. Kini beliau terbabit dalam kegiatan perniagaan pertanian.